

Jujur, ikhlas, tiada rasuah

Tiga perkara jadi bekalan Mastura belajar selok-belok sebagai pembekal buku

Sinar Harian

21/2/2015

mls 39

■ NURUL AINI MOHAMED ALI
FOTO: ROSLI TALIB

"**S**aya bukanlah seorang ulat buku...bukan juga golongan yang suka membaca," ujar

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Mastura Muhammad memulakan bicara.

Membaca juga bukanlah hobinya namun siapa sangka akhirnya beliau bergelumang dengan industri buku dan jatuh cinta dengan bidang yang diceburinya kini.

Minat dan kerjaya Mastura mula berubah selepas dihantar ke Britain Book Centre. Dan pada saat itu, beliau mula memahami selok-belok dan jerit-perih menjadi seorang usahawan buku.

"Saya bermula dengan Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan bekerja di sana selama 11 tahun. Sepanjang di Mara, saya belajar bagaimana mahu jadi pembekal buku dan saya belajar bagaimana susahnyanya mahu berniaga dengan jujur tanpa amalkan rasuah dan ikhlas



Mastura menunjukkan gambar perpustakaan awam yang sudah melalui proses penjenamaan.

Personaliti
SHAH ALAM

untuk tempoh yang sama tahun 2013," katanya.

Malah, setiap aktiviti yang dilakukan

perpustakaan turut mendapat sambutan pengguna dan Selangor berjaya mengumpulkan jumlah pengunjung tertinggi berbanding perpustakaan awam negeri lain.

"Kita berjaya kumpulkan hingga 610,000 jumlah pengunjung tahun lalu dan jumlah ini merupakan yang tertinggi. Sasaran kita selepas ini mahu setiap orang luangkan masa 10 minit untuk membaca.

"Pesta Buku Selangor 2015 turut diadakan serentak dengan Karnival Karangkrif membuktikan trend membaca itu masih lagi laku hingggakan karnival dan pesta buku pun boleh dilakukan serentak.

"Bagi saya, ini adalah persaingan yang sihat dan budaya ini bagus sebenarnya khususnya mahu mendidik masyarakat cintakan budaya membaca," katanya.

Baginya, membaca melalui internet

rasah dan ikhlas.

"Sehinggalah saya faham mengenai sepotong hadis mengatakan bila peniaga itu berniaga dengan penuh amanah dan jujur, pada akhir zaman ini, dia boleh mati syahid," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ubah gaya PPAS

Pada tahun 2008, Mastura ditawarkan menjadi pengarah di PPAS. Dek kerana bukan kaki perpustakaan, beliau cuba memikirkan jalan yang boleh menarik pembaca datang ke sini.

"Kalau kita lepak di kedai kopi, pelanggan pasti mahukan suasana yang tenang, bersih dan ada kemudahan Wifi. Jadi saya pun terfikir untuk lakukan penjenamaan semula PPAS.

"Dengan penjenamaan perpustakaan yang dibuat untuk PPAS pada tahun 2009, saya telah mengekalkan elemen penting yang boleh menarik pengguna datang ke perpustakaan," katanya.

Dengan konsep penjenamaan ini, beliau mahu anak-anak muda atau budak sekolah datang ke perpustakaan berbanding membuang masa di kafe siber.

"Kita juga mahu buktikan yang perpustakaan ini boleh dijadikan tempat sesuai untuk anak-anak melepak dan kurangkan gejala ponteng sekolah.

"Contohnya di perpustakaan awam Lembah Jaya, kita lakukan penjenamaan semula iaitu menyediakan kemudahan internet dengan caj cukup murah, anak-anak boleh lepak sekali bersama ibu bapa. Kita hias semula perpustakaan dan buat sudut yang selesa dan tenang jika ibu bapa dan anak mahu lepak bersama.

"Kita sediakan surau dan tandas yang

selesa setaraf hotel bagi menjamin keselesaan pengunjung untuk datang ke perpustakaan. Bila ibu bapa sibuk, kita bantu anak-anak ini belajar di perpustakaan dan saya akan pastikan setiap kakitangan saya boleh membantu anak-anak ini belajar dan buat kerja sekolah dengan baik," jelasnya.

Jadikan perpustakaan rumah kedua

Mengulas lanjut tentang diri dan kerjayanya, beliau mahu melihat anak-anak muda menjadikan perpustakaan sebagai rumah kedua untuk meluangkan masa walaupun untuk bersantai.

"Saya mahu pustakawan mendidik murid selepas waktu sekolah. Kalau boleh, selepas sahaja habis sesi persekolahan, mereka datang ke perpustakaan, tak kira meluangkan masa atau bersantai.

"Saya juga mahu kakitangan melayan pengunjung dengan cukup baik. Kalau pengunjung yang datang itu orang tua, layanlah seperti ibu bapa sendiri, jika pengguna yang datang itu murid sekolah, layanlah seperti adik sendiri atau yang datang itu sebaya, layanlah seperti kawan-kawan," katanya yang mahu menerapkan nilai dan rasa bangga pada setiap kakitangannya.

Beliau mahu setiap pustakawannya buktikan perpustakaan mempunyai kuasa yang tersendiri dalam menarik orang ramai dan mendidik mereka minat membaca.

"Saya selalu berpesan kepada kakitangan saya supaya layan setiap pengunjung perpustakaan dengan baik kerana masyarakat

hari ini perlukan perhatian. Saya tahu ALLAH beri saya jawatan ini pun untuk saya layan kakitangan saya dengan adil kerana saya percaya hidup kita ini adalah untuk tambah nilai hidup orang lain. Jawatan saya ini pun hak ALLAH dan saya pegang prinsip jangan menyusahkan orang sebaliknya kita yang perlu memudahkan orang," tegasnya.

Tingkat budaya membaca

Trend membaca di kalangan masyarakat di Malaysia turut menunjukkan tahap yang lebih baik dan ada peningkatan dari tahun 2013 hingga 2014. Perkara ini diakui hasil pemerhatiannya.

"Alhamdulillah, ada peningkatan dari 2013 hingga 2014. Daripada analisis kami untuk PPAS, jumlah pinjaman buku meningkat pada Januari hingga Disember 2014 kepada 734, 944 daripada 635,197 untuk tempoh yang sama tahun 2013.

"Manakala jumlah keahlian kami juga meningkat kepada 56,317 dari Januari hingga Disember 2014 daripada 46, 816

Baginya, membaca melalui internet juga boleh dianggap budaya membaca tetapi menggunakan versi digital.

"Tidak mengapalah kita tidak baca buku tetapi luangkan masa membaca informasi dan maklumat penting di internet, masih dikatakan membaca dan inilah kita panggil revolusi digital.

"Bagaimanapun, perpustakaan masih lagi relevan dan dengan penjenamaan yang kita buat inilah kita jadikan perpustakaan lebih kondusif untuk anak muda melepak.

"Bila ada tempat yang kondusif dan selesa, saya yakin minat membaca akan datang sendiri," katanya.

BIODATA

Nama: Mastura Muhamad
Asal: Kuala Terengganu
Umur: 49 tahun
Pendidikan:
● SK Sultan Sulaiman 1
● SMK Sultan Sulaiman Kuala Ibai, Kuala Terengganu.
● Universiti Kansas, Amerika Syarikat.
Suami: Badrul Hisham Muhtar
Anak: Empat orang
● Hajar, 24
● Farah, 23
● Harith, 20
● Nurul Hanna, 18
Jawatan sekarang: Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) - dari 2008

